



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

FESTIVAL HARI MUZIUM ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN MERAIKAN KEPELBAGAIAN WARISAN NEGARA

PULAU PINANG, 22 Mei 2024 – Festival Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2024 telah berlangsung dengan jayanya di Pulau Pinang dari 13 hingga 22 Mei 2024. Acara berprestij ini menampilkan **38 penyertaan, yang terdiri daripada 13 muzium persekutuan/ negeri, 21 muzium institusi, dan 4 muzium antarabangsa.**

Kementerian Perpaduan Negara, melalui Jabatan Muzium Malaysia terus mengutamakan agenda integrasi kaum melalui institusi muzium. Muzium **sebagai 'guardian of heritage', yang memainkan peranan penting dalam membentuk identiti dan perpaduan** masyarakat di Malaysia. Sebanyak **11 program Citra Nusa** telah dirancang pelaksanaannya di seluruh negara pada tahun ini, termasuk Festival Hari Muzium Antarabangsa yang bertujuan **memperkukuh kesedaran terhadap khazanah warisan negara dalam kalangan generasi muda.**

Mengangkat **tema "Muzium untuk Pendidikan dan Penyelidikan"**, ia adalah selaras dengan fungsi muzium yang ditetapkan oleh International Council of Museum (ICOM). Muzium di Malaysia memainkan peranan penting dalam **mengekalkan dan melindungi warisan sejarah dan budaya negara, serta memperkuat jati diri** rakyat. YB Datuk Aaron Ago Dagang menyatakan bahawa program pendidikan seperti **Program Bermalam di Muzium dan Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM)** telah dilaksanakan oleh Jabatan Muzium Malaysia untuk **memupuk pemahaman dan kesedaran masyarakat terhadap kepelbagaian warisan sejarah dan budaya.** Beliau juga menyasarkan sebanyak 30 muzium akan terlibat dalam menjayakan Program Bermalam di Muzium yang akan berlangsung pada 30-31 Ogos 2024 (Kategori Pelajar) dan 12-13 Oktober 2024 (Kategori Belia).

“Sambutan ini turut menjadi platform **pengiktirafan kepada individu yang telah banyak berjasa dalam dunia permuziuman melalui Anugerah Khas Permuziuman.** Kementerian sedang merancang untuk mewujudkan **Anugerah Tokoh Khas Permuziuman Negara** sebagai salah satu anugerah berprestij di bawah **Dasar Kebudayaan Kebangsaan,**” tambah beliau.

Negeri Kedah Darul Aman bakal menjadi **tuan rumah Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan bagi Tahun 2025**. Kementerian Perpaduan Negara menyatakan pendirian akan memberikan komitmen padu melalui Jabatan Muzium Malaysia untuk memastikan sambutan di Negeri Kedah akan berlangsung dengan meriah dan berimpak tinggi.

YB Menteri Perpaduan Negara menyatakan harapan agar institusi permuziuman negara akan terus dapat diperkukuhkan dan diberi perhatian sewajarnya seiring dengan fungsi dan peranan yang dimainkan khususnya dalam **pembangunan dan kesejahteraan masyarakat demi kelangsungan masa hadapan yang lestari**.

Kementerian Perpaduan Negara

22 Mei 2024

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat
b.p.: Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569
E-mel: pro@perpaduan.gov.my